

**MESYUARAT JAWATANKUASA PEMILIH PENGAJIAN LANJUTAN YANG KE-120**

Jabatan Pendaftar

Telah Dihantar: 08 Ogos 2011 10:05

Kepada: UUM - All Staff



8 OGOS 2011

8 RAMADAN 1432H

MESYUARAT JAWATANKUASA PEMILIH PENGAJIAN LANJUTAN YANG KE-120

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa mesyuarat di atas akan diadakan pada **21 September 2011**. Mesyuarat tersebut antara lain akan menimbangkan permohonan untuk mengikuti program pengajian di peringkat Sarjana dan PhD dan juga permohonan Cuti Sabatikal, Penempatan Industri dan Pasca Kedoktoran. Permohonan untuk perlanjutan tempoh cuti belajar juga perlu dikemukakan ke dalam mesyuarat JPPL ini, dan lain-lain hal yang berkaitan dengan cuti belajar.

Sehubungan dengan itu, dipohon kerjasama tuan/puan untuk memaklumkan kakitangan di Kolej tuan/puan supaya mengemukakan permohonan ke Jabatan ini sebelum **1 September 2011**. Permohonan hendaklah menggunakan borang permohonan yang boleh didapati di laman web, <http://www.pendaftar.uum.edu.my/> Jabatan Pendaftar.

Sekian, terima kasih.

Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (Pengajian Lanjutan)

Jabatan Pendaftar
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman
Malaysia

Tel: 604 9284106/3033
Faks: 604 9284178